

Analisis Perspektif Hadith Terhadap Operasi Tembak Gagak

Analysis from The Perspective of Hadith On Crows Shooting Operation

Mohd Farhan Md Ariffin¹ & Muhammad Safwan Harun²

¹ (Corresponding Author) Academy of Islamic Civilization, Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Malaysia, e-mail: mohdfarhan.ma@utm.my

² Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 51610, Malaysia, e-mail: safone_15@um.edu.my

ABSTRAK

Sabtu tahun, operasi tembak gagak diadakan sama ada di peringkat daerah dan negeri seluruh Malaysia. Lazimnya, operasi dilaksanakan di kawasan bandar atau kawasan yang memiliki kepadatan tinggi berdasarkan aduan yang diterima daripada penduduk. Menurut pengajur, operasi tersebut merupakan satu kaedah kawalan daripada kakau bilau gagak terhadap manusia. Sehubungan dengan itu, kajian cuba mendalami signifikan tindakan ini melalui kefahaman *fiqh al-Hadith* berkaitan gagak. Hal ini penting bagi memberi panduan kepada masyarakat akan mudarat yang mampu dijelaskan haiwan tertentu dan teknik kawalan paling berkesan menurut sunnah tanpa meminggirkan hak-hak haiwan.

Kata Kunci: Haiwan perosak; Ancaman; Hadith; Tindak balas

ABSTRACT

Crow-shooting operation is held at the district and state levels throughout Malaysia yearly. Typically, operation is carried out in urban areas or areas of high density based on complaints received from local residents. According to the organizers, the operation is a method of controlling crows from destroying humans' property. Accordingly, the study attempts to deepen the significance of this action through the viewpoint based on fiqh al-Hadith related to crows. This is important to provide guidance to the community on the harm that can be inflicted from animals and the most effective pest-control techniques according to the Sunnah without neglecting animals' right.

Keywords: Pest; Threat; Hadith; Respond

1. Pengenalan

Dalam bahasa Melayu, gagak ditakrifkan sebagai spesies burung berbulu hitam, bentuk badan besar, berkepak dan berbunyi lantang (Teuku Iskandar 1970). Menurut kamus bahasa Inggeris, gagak ditakrifkan sebagai “*a large bird that makes a loud noise*” iaitu burung besar yang menghasilkan bunyi bising (Keith Brown et al., 2007). Gagak mempunyai paruh sederhana panjang seakan bercangkuk bertujuan membantu menyiat daging. Ekornya pendek dan sederhana panjang.

Gagak mudah dikenal kerana kebiasaannya berwarna hitam gelap pada seluruh badannya, termasuk bahagian paruh dan kaki. Ia mengawan dan membiak sekitar bulan April. Gagak boleh bertelur antara empat hingga tujuh biji telur. Jangka hayat seekor gagak adalah melebihi dua belas tahun (Roger Avery et al., 2002).

Gagak berasal daripada keluarga burung *carvus macrorhynchos*. Terdapat kira-kira 115 spesies gagak di seluruh dunia (Hope B. Werness, 2003). Antara spesies gagak yang popular adalah daripada spesies American Crow (*c. brachyrhynchos*), Mexican Crow (*c. caurinus*), Fish Crow (*c. ossifragus*) dan Northwestern Crow (*c. imparatus*). Sungguhpun begitu, semua spesies gagak berukuran secara relatifnya besar, memiliki bulu dominan berwarna hitam dan bersuara lantang. Majoriti gagak tinggal dalam kawanan besar di selatan benua Amerika, selatan lautan Pasifik, Hawaii, lautan Caribbean dan New Zealand. Spesies gagak suka tinggal di habitat-habitat seperti kawasan padang rumput, ladang ternakan dan tanaman, teluk, pulau, kaki bukit dan gunung-ganang (Hope B. Werness, 2003).

Di samping itu, gagak merupakan penerbang yang gagah dan boleh terbang dalam jarak jauh. Ia dikenal sebagai burung yang bijak, serba boleh dan mempunyai selera makan rakus. Gagak tidak akan membazirkan peluang untuk mendapatkan makanan. Dilengkapi paruh yang kuat, gagak boleh makan apa sahaja termasuk buah-buahan, bijirin, gandum, malah haiwan kecil seperti cacing, katak dan ikan (Hope B. Werness, 2003).

Paling istimewa antara semua unggas, gagak mempunyai tahap kepintaran tertinggi. Gagak mempunyai kemampuan untuk belajar dan dapat menyelesaikan permasalahan dengan memanfaatkan persekitarannya untuk meneruskan kemandirianya. Dalam pada itu, gagak merupakan pembunuhan yang cekap dan oportunistis. Ia akan membunuh haiwan lain yang cedera atau sakit, makan bangkai haiwan yang mati dilanggar atau bangkai ikan terdampar. Gagak hidup dalam kawanan yang sangat mementingkan kawasannya. Ia akan menyerang haiwan lain yang cuba memasuki kawasannya (Mohd Farhan Md Ariffin, 2015).

2. Operasi Tembak Gagak di Malaysia

Secara habitat, gagak gemar tinggal berdekatan kawasan bandar disebabkan mudah mendapatkan akses makanan. Natijahnya, ia merupakan haiwan yang dibenci disebabkan suaranya yang nyaring, sering kali menggamt suasana sekitar kawasan dihingga sehingga mengganggu penduduk setempat. Selain daripada itu, sifat gagak yang suka menggeledah sampah sarap turut menyumbang kepada pencemaran bau dan penyebaran wabak.

Di Amerika Syarikat, gagak sering mengakibatkan kacau bilau. Suara gagak yang bising cukup membingitkan dan menyebabkan pencemaran bunyi (Boria Sax, 2003). Bukan itu sahaja, sifat pengotor gagak turut berbahaya terhadap kesihatan manusia. Demikian, peraturan persekutuan Amerika Syarikat telah memutuskan pemburuan gagak adalah sah bagi kebanyakan negeri sekitar bulan Ogos hingga akhir Mac, bahkan boleh dilakukan pada bila-bila masa jika terdapat ancaman. Bilangan gagak yang diburu tidak dihadkan semasa musim pemburuan gagak.

Di Malaysia, masalah yang sering ditimbulkan oleh gagak adalah seperti merosakkan bungkusan sampah sarap yang menyebabkan ia bertaburan dan mengotorkan kawasan persekitaran dengan sisa-sisa makanan yang dibawa. Selain itu, masalah najis burung tersebut turut membawa kacau ganggu kepada pengunjung tempat awam seperti taman permainan, taman rekreasi dan pasar malam. Dalam skala lebih besar, penduduk pangaspuri Kota Laksamana, Melaka amat tertekan apabila ribuan gagak mendiami bumbung dan pokok sekitar. Kehadiran kawanan berkenaan bukan sahaja mencemarkan jalan dan kenderaan dengan najis, malah penduduk terpaksa berdepan dengan bunyi bising gagak seawal jam empat pagi. Kawanan gagak turut membongkar sampah dan masuk ke dalam rumah untuk mencari makanan (MyMetro, 6 Mac 2013). Ini merupakan salah satu daripada banyak kes gangguan gagak yang direkodkan di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri ataupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia saban tahun mengadakan operasi tembak gagak dengan menjemput penembak berlesen dan kelab menembak yang berminat bagi menghapuskan gangguan dan ancaman gagak di kawasan sasaran berdasarkan aduan diterima daripada orang ramai. Lazimnya lokasi tumpuan adalah di kawasan bandar (Berita Harian, 27 April 2015).

Di negeri Selangor yang mempunyai kepadatan penduduk paling tinggi dalam Malaysia, Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah melancarkan operasi tembak gagak pada 27 April 2015 dengan menyasarkan 6,000 ekor gagak untuk dibunuh (Berita Harian, 27 April 2015). Pada September 2017, sebanyak 4856 ekor gagak berjaya ditembak dalam operasi menembak gagak dalam masa sehari (Astro Awani, 2017).

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) turut melakukan tindakan sama pada bulan Mac, April dan Jun 2015. Pada bulan Mac dan April sahaja,

sebanyak 1,420 ekor gagak berjaya dilupuskan (Sinar Harian, 12 Jun 2015). Sementara itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan pemburuan gagak secara berkala selama 3 minggu berturut-turut bermula 19, 20 26, 27 September hingga 3 Oktober 2015. Pada tahun 2015, MBPJ memperuntukkan RM50,000 untuk penembak dengan kadar bayaran RM5 bagi setiap gagak yang ditembak. Operasi tembak gagak oleh MBPJ merupakan satu kaedah kawalan dan pemusnahan gagak yang dijalankan sejak 1980 (Harian Metro, 21 September 2015).

Pada tahun 2021, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah melaksanakan operasi bersepadu menembak gagak bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di enam lokasi sekitar bandaraya tersebut. Hasilnya, sebanyak 1227 ekor gagak berjaya dimusnahkan (*Facebook MBJB*, 2021).

3. Metode Kajian

Kajian ini bersifat kajian kualitatif yang melibatkan metode pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan pakai kaedah induktif, deduktif dan tematik. Sebagai isu utama, artikel ini mencari titik aras signifikan teknik kawalan gagak semasa oleh pihak berkuasa di Malaysia. Bagi melihat secara lebih jelas, hubungan gagak sebagai haiwan fasiq yang memudaratkan telah dibuktikan. Dalam pada itu, prinsip-prinsip bertindak balas terhadap ancaman haiwan perosak sama ada berbentuk umum dan khusus turut dijana melalui penjelasan *muhammadīn* muktabar.

4. Hadith Menyatakan Gagak Sebagai Haiwan Fasiq

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: حَمْسٌ فَوَاسِقُ يُقْتَلُنَّ فِي الْحَرَمِ الْفَارَّةُ، وَالْعُقُولُ،
وَالْخَدَّيَّ، وَالْعُرَابُ، وَالْكَلْبُ الْعَفُورُ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Aishah, Nabi SAW bersabda: “Lima (jenis) haiwan yang fasiq dan boleh dibunuh (walaupun) di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing liar.”

[*Sahīh al-Bukhārī*, no. hadith: ٣٣١٤, hadith *sahīh*]

Dari dalam hadith, lafaz (فَوَاسِقُ) berasal daripada kata (فَوَاسِقَ). Menurut Ibn Manzur (t.t.), ia memberi takrifan haiwan perosak, liar, buas, jahat, pengganggu, penceroboh dan berbahaya terhadap manusia. Kalimah (حَمْسٌ) dalam hadith merujuk kepada lima jenis haiwan perosak utama, iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing liar. Namun, hal ini tidak

terbatas kepada lima jenis haiwan tersebut. Nabi SAW turut menyebutkan ular dan cicak dalam riwayat lain (al-‘Asqalānī, 2006).

Bagi manusia, gelaran “fasiq” bermakna keluarnya seseorang daripada jalan ketaatan kepada Allah SWT dan banyak melakukan maksiat. Manusia fasiq disebut sebagai “*al-Āṣī*”. Manakala gelar “fasiq” pada haiwan bermaksud dicabut kehormatan sebahagian haiwan (al-Mubarak Furi, t.t.) disebabkan sifatnya yang membawa datang kemudarat, kehinaan dan kemasuhan kepada manusia (al-‘Asqalānī, 2001). Para ulama turut bersepakat penggunaan istilah fasiq tidak terhad kepada haiwan darat, bahkan meliputi burung-burung yang terbang di awan. Ini berdasarkan dalil umum dalam surah Hūd, 11: 6:

Terjemahan: “Dan tiada satu pun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jua yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata.”

Signifikannya, ketujuh-tujuh haiwan fasiq semuanya memiliki sifat ‘zalim’ yang mengancam kesejahteraan hidup (Shams al-Ḥaq al-‘Azīm Abadi, 1968). Berkenaan empat, lima, enam atau tujuh jenis haiwan fasiq, demikian hanya untuk menunjukkan persepakatan ulama tentang ‘*illah* sifat haiwan tersebut, iaitu “*menyakiti*” (*aqūr*), “*tidak bermanfaat*” dan “*suka berbuat kerosakan*” (al-Qurtubi, 2006) terhadap manusia (al-Ityubi al-Wallawi, t.t.).

Berhubung jumlah sebenar haiwan yang disifatkan sebagai haiwan fasiq, al-Suyuti (1996) menyatakan bahawa lima jenis haiwan fasiq yang utama iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar tidak bermaksud khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja. Ia hanya merupakan salah satu bentuk *i’tibār* dalam menyatakan jenis haiwan fasiq dan tidak menjadi dasar ketetapan dalam hujah dan hukum hanya bagi kelima-lima jenis haiwan itu sahaja. Berkemungkinan Nabi SAW menyebutkan kelima-lima jenis haiwan ialah pada mulanya dan kemudiannya baginda SAW menyebutkan selepas itu jenis-jenis haiwan yang lain yang sama hukum fasiqnya dengan lima haiwan yang utama. Maka, bilangan “*lima*” haiwan fasiq ini tidak bersifat tetap (al-Ityubi al-Wallawi, t.t.).

Buktinya, dinyatakan dalam sebahagian riwayat ‘A’ishah dengan lafadz “*empat*” dan juga “*enam*”. Adapun hadith yang menyatakan “*empat*” jenis haiwan fasiq yang dikeluarkan oleh Muslim melalui riwayat al-Qasim daripada ‘A’ishah dengan tidak menyebutkan gagak. Manakala “*enam*” jenis haiwan fasiq sebagaimana dinyatakan Muslim riwayat daripada Abu ‘Awanah daripada ‘A’ishah pula ditambah ular. Dalam hadith riwayat Abu Sa‘id al-Khudri pula, disebutkan sebanyak “*tujuh*” jenis haiwan fasiq dengan

tambahan “*al-Sab'u al-'Adî'*” iaitu haiwan buas yang secara adatnya memusuhi manusia. Selain daripada itu, dalam hadith riwayat Abu Hurayrah RA yang dikeluarkan oleh Ibn Khuzaimah, ada dinyatakan harimau dan serigala yang menjadikan “*sembilan*” haiwan fasiq. Hadith ini juga turut dikeluarkan oleh Ibn Abu Shaybah, Sa'id Ibn Mansur dan Abu Dawud daripada jalan Sa'id Ibn Musayyib (al-'Asqalani, 2001).

Paling utama, haiwan fasiq bermaksud “*haiwan perosak*” iaitu haiwan-haiwan yang melanggar *sunnatullah* sebagai makhluk yang sepatutnya tunduk kepada manusia sebagai khalifah Allah SWT dan menambah kemusnahan di muka bumi (al-Sanusi al-Hasani, t.t.). Perkaitan tikus, cicak dan haiwan lain yang dinamakan Nabi SAW sebagai fasiq, hanya sebagai satu bentuk *isti'ârah* kepada aspek kemudaratan yang dibawa oleh haiwan-haiwan berikut (al-Mubarak Furi, t.t.). Ibn Daqiq al-'Eid menyatakan:

“Memperlakukan hukum tersebut (memanggil fasiq) pada semua haiwan yang mempunyai sifat “mengganggu (menyakiti manusia)” merupakan pandangan yang kuat menurut ulama Qiyas. Ini jelas menurut isyarat nas yang membolehkan membunuh kawanan haiwan tertentu, kerana sifatnya yang fasiq, yakni melampaui batas.” (al-'Asqalani, 2006)

Hasilnya, faktor utama haiwan dikaitkan dengan istilah fasiq amat berkaitan dengan sifat “*mengganggu*”, “*mendatangkan mudarat*,” dan “*melampaui batas*” haiwan-haiwan tertentu kepada manusia. Al-Nawawi menyebutkan bahawa haiwan-haiwan tertentu digelar fasiq oleh kerana keluarnya hanya mengganggu dan membuat kerosakan di jalan yang biasa dilalui haiwan tunggangan (al-Nawawi, 1930).

4.1 Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak

Menurut *Kamus Dewan*, haiwan perosak bermaksud haiwan yang merosak dan memusnahkan sesuatu benda misalnya tanaman dan harta benda manusia. Ia juga memberi makna haiwan jahat. Manusia seperti golongan petani tidak suka dengan haiwan perosak dan ia dibunuh dengan racun (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 20 September 2021). Melihatkan kepada takrifan, definisi haiwan perosak adalah sama dengan haiwan fasiq.

Walau bagaimanapun, takrifan haiwan perosak dalam Islam lebih lengkap. Para ulama menggunakan istilah haiwan fasiq merujuk kepada kawanan haiwan perosak yang mempunyai sifat sama dengan haiwan fasiq yang disebutkan baginda Nabi SAW. Kawanan haiwan fasiq ini tidak terhad kepada haiwan yang disebutkan dalam riwayat sahaja (tikus, kala jengking, gagak, helang, cicak, ular dan anjing). Mereka turut memasukkan spesies haiwan lain seperti lipan, serigala dan harimau malah semua haiwan yang

bersifat memusuhi manusia atau haiwan ternakan, menjejaskan kesihatan atau hasil tanaman dalam kategori “*hayawān fāsiq*”. Pendapat ini juga disokong oleh para pendokong mazhab al-Shafi'i, Malik, Hanafi dan Hanbali (al-'Asqalani, 2006).

Secara spesifik, para ulama bersepakat bahawa gelaran tikus sebagai fasiq turut mengisyaratkan semua haiwan yang mengganggu manusia dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu. Penyebutan gagak dan helang untuk mengisyaratkan semua haiwan yang mampu mengganggu manusia dengan menyambar seperti helang dan bersikap pengotor seperti gagak pemakan bangkai. Manakala misalan anjing 'aqūr menunjukkan sifat fasiq haiwan yang menyerang dengan gigitan taringnya seperti serigala dan singa. Sebutan “*aqrab*” (kala jengking) untuk menunjukkan semua haiwan yang mengancam melalui gigitan beracun seperti ular, lipan, lebah dan sebagainya (al-'Asqalani, 2006). Kesimpulannya, semua haiwan yang memiliki sifat-sifat yang ditonjolkan ketujuh-tujuh jenis haiwan fasiq adalah tergolong dalam kalangan haiwan yang harus dibunuh.

Demikian, haiwan perosak mempunyai persamaan dengan haiwan fasiq dari aspek menghadirkan mudarat, gangguan dan ancaman kepada manusia, haiwan ternakan, harta benda dan hasil tanaman. Malah, pengistilahan haiwan perosak tidak jauh berbeza dengan haiwan fasiq. Haiwan fasiq hanya istilah perumpamaan baginda SAW dalam memberi panduan untuk menentukan haiwan yang melampaui batas dan harus dihindari (al-Mubarak Furi, t.t.) demi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda umat Islam.

Jadual 1: Perkaitan Haiwan Fasiq dengan Haiwan Perosak

Haiwan Fasiq	Tabiat/Sifat	Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)
Tikus	Pengotor Pembawa penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman	Lipas Belalang Juta <i>Quelea</i> paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
Kala Jengking	Berbisa Memudaraskan manusia Berupaya membunuh	Lipan Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
Gagak	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Mengganggu manusia dengan bunyi yang bising Mencuri dan merampas makanan atau	Hering Monyet Kera Babun

	hak manusia	
Helang	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan	Musang Biawak Babun
Anjing	Bengis Pembawa Penyakit (contoh; <i>Rabies</i>) Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Boleh menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
Ular	Berbisa Memusuhi manusia Boleh menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitam dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bisa tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)
Cicak	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Suka membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria merbahaya	Virus Bakteria Pijat Kutu Nyamuk Lalat

(Sumber: Mohd Farhan & Muhammad Safwan, 2021)

5. Analisis *Fiqh al-Hadith* Mengenai Gagak

Gagak merupakan burung yang lazimnya berwarna hitam (al-Ityubi al-Wallawi, 1996). Ia dikenal sebagai burung pembangkai sebagaimana burung nasar pembangkai berkepala botak. Gagak terdiri daripada pelbagai spesies dan *al-Abqa'* merupakan sejenis gagak yang disebutkan dalam hadith (Shams al-Haq al-'Azim Abadi, 1968; al-'Asqalani, 2001). Menurut Ibn Qasar, gagak digelar fasiq disebabkan keberadaannya yang membiak di persekitaran manusia, dengan ada yang buas, pengotor, pembangkai, rakus selain mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan kukunya yang tajam (al-Sanusi al-Hasani, t.t.; al-Ityubi al-Wallawi, t.t.).

Dalam Islam, gagak lazimnya merupakan perlambangan bagi perkara negatif dan kematian. Dalam erti kata yang lain, gagak melambangkan sifat negatif manusia. Buktinya dapat dilihat dalam peristiwa Qabil dan Habil di mana Allah SWT mengutuskan sepasang gagak untuk memperlihatkan kepada Qabil bagaimana untuk menguburkan Habil (al-Ma''idah 5: 27-31). Dalam pada itu sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab *Jāhiliyyah*

percaya dan mentafsir petanda daripada gagak serta biasa meramal nasib berdasarkan suara gagak jenis *al-Abqa'*. Apabila gagak tersebut berbunyi dua kali, kaum Arab *Jāhiliyyah* meramalkan keburukan, dan apabila berbunyi tiga kali, mereka meramalkan akan datang kebaikan. Lantas Islam datang menghapus kepercayaan tersebut. Ibn ‘Abbas RA apabila mendengar suara gagak, beliau berdoa:

“Ya Allah, tiada kebaikan selain kebaikan-Mu, tiada tiyarah (nasib buruk), selain dari-Mu, dan tiada Tuhan selain Engkau.”

[*Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, no. hadith: 7045, hadith *sahīh*]

Dalam pada itu, baginda SAW juga menggunakan perumpamaan gagak bagi melambangkan kelakuan buruk yang tidak disukai baginda SAW. Antaranya:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنْ نَفْرَةِ الْغُرَابِ، وَافْتِرَاشِ السَّيْعِ، وَأَنْ يُوَطِّنَ الرَّجُلُ الْمَكَانَ
فِي الْمَسْجِدِ كَمَا يُوَطِّنُ الْبَعِيرُ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘A’ishah berkata: “Rasulullah SAW melarang daripada tiga hal, iaitu ruku’ atau sujud seperti patukan gagak, duduk seperti duduknya haiwan buas, dan menetapkan tempat tertentu untuk solat di masjid seperti mana unta yang menempatkan tempat tertentu untuk berbaring.”

[*Sunan Abū Dāwud*, no. hadith: 1112, hadith *hasan* menurut al-Albani]

Dalam hadith, baginda SAW menyamakan perbuatan manusia yang ruku’ dan sujud tanpa *tama’nīnah* seperti gagak yang sedang mematuk makanan untuk menunjukkan perbandingan melampau (*mubālaghah*) kesalahan perbuatan manusia yang melalaikan rukun *tama’nīnah* dalam solat (Shams al-Haq al-‘Azīm Abadi, 1968).

5.1 Hukum Memakan Gagak

Perintah Nabi SAW supaya membunuh haiwan fasiq dan haiwan lain yang sama sifat dengannya secara tidak langsung menunjukkan larangan memakan setiap satu daripadanya. Ini merupakan pandangan al-Shafi’i berdalilkan hadith riwayat Ibn ‘Abbas yang melarang memakan setiap haiwan buas bertaring dan berkuku tajam. Walau bagaimanapun, ini bertentangan dengan pandangan Malik yang membolehkan memakan helang, gagak dan semua

jenis burung. Namun, pendapat al-Shafi'i lebih tepat dan menjadi pegangan jumhur (Safa al-Dawwi, 1999). Ini bersandarkan hadith:

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ قَالَ: مَنْ يَأْكُلُ الْعُرَابَ، وَقَدْ سَمَّاهُ رَسُولُ اللَّهِ فَاسِقًا، وَاللَّهُ مَا هُوَ مِنَ الطَّيِّبَاتِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn 'Umar berkata: "Sesiapa yang makan gagak, (Ketahuilah) Rasullullah SAW telah menamakannya sebagai si fasiq (jahat), Demi Allah, tiada kebaikan padanya."

[*Sunan Ibn Majah*, no. hadith 3248, hadith sahih]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: الْحَيَّةَ فَاسِقَةٌ، وَالْعَقْرُبُ فَاسِقَةٌ، وَالْفَارَّةُ فَاسِقَةٌ، الْعُرَابُ فَاسِقٌ فَقَيْلٌ لِلْقَاسِمِ: أَيُؤْكِلُ الْعُرَابُ؟ قَالَ: مَنْ يَأْكُلُ بَعْدَ قَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ فَاسِقًا

Terjemahan: Diriwayatkan daripada 'A'ishah, sesungguhnya Rasullullah SAW bersabda: "Ular itu fasiq, kala jengking itu fasiq, tikus itu fasiq dan gagak itu fasiq. Setelah itu, al-Qasim ditanya oleh seseorang: "Bolehkah gagak dimakan?" maka al-Qasim pun menjawab: "Siapa yang mahu memakannya setelah Rasullullah SAW menggelarnya fasiq."

[*Sunan Ibn Majah*, no. hadith: 3249, hadith sahih]

5.2 Hukum Membunuh Gagak

Dalam isu ini, terdapat *khilaf* dalam menentukan jenis gagak yang boleh dibunuh. Sebahagian ulama membataskan hanya gagak jenis *al-Abqa'* berdasarkan hadith yang menyebutkan lima jenis haiwan yang dibenarkan dibunuh di tanah halal dan haram: iaitu ular, gagak *al-Abqa'*, tikus anjing liar dan helang (al-Qurtubi, 2006). Manakala sebahagian ulama berpendapat semua jenis gagak berdasarkan majoriti hadith yang menyebutkan gagak secara umum daripada penghususan terhadap lafaz hadith gagak *al-Abqa'*. Walau bagaimanapun, pendapat paling *rājiḥ* menurut jumhur ialah dibolehkan membunuh semua jenis gagak dan tidak terhad kepada gagak *al-Abqa'* berdasarkan riwayat Ibn 'Umar yang telah disebutkan lebih awal. Pandangan jumhur turut disokong oleh Ibn Qudamah yang menyatakan *al-Ghurāb al-Abqa'* merupakan satu bentuk perumpamaan dalam menyatakan spesies gagak yang tidak boleh dimakan dan boleh dibunuh iaitu gagak jenis pembangkai dan pengganggu (al-'Asqalani, 2001).

Berkenaan riwayat yang mengandungi *al-Ghurāb al-Abqa'*, Ibn 'Abd al-Barr berpendapat tambahan *al-Abqa'* tidak boleh dipakai oleh kerana ia merupakan *ziyādah* yang mengandung *shāz*. Ibn Qudamah turut menyokong dengan menyebutkan riwayat umum iaitu "*al-Ghurāb*" lebih sahih. Namun, jika dilihat pada riwayat lain daripada Syu'bah, beliau ternyata tidak

meriwayatkan hadith secara *tadlīs*, akan tetapi mendengar secara langsung daripada gurunya dan hadith ini turut dikeluarkan oleh Muslim dan Nasa'i dengan sanad yang terpercaya. Jadi, ini tidak langsung menolak pandangan yang mengkritik tambahan *al-Abqa'* pada gagak (al-'Asqalani, 2001).

Sebagai rumusan, Ibn 'Abbas menjelaskan penggunaan lafaz *al-Abqa'* dalam hadith disebabkan ia merupakan jenis gagak yang kerap dilihat di Semenanjung Tanah Arab. Gagak ini mempunyai warna putih di belakang ataupun perut (al-Qurtubi, 2006). *الغُرَابُ الْأَبْعَادُ* atau gagak yang boleh dibunuh seperti dimaksudkan sebenarnya meliputi semua gagak daripada jenis pembangkai, iaitu '*aq'aq* (gagak seakan sama dengan merpati dari segi saiznya, akan tetapi bentuknya sama seperti gagak. Diberi nama *al-'Aq'aq* oleh kerana meninggalkan anak-anaknya berteriak tanpa makanan. Hukumnya sama seperti gagak *al-Abqa'* yang boleh dibunuh), *al-'Aṣām* (gagak yang pada kedua kakinya, atau di kedua sayapnya, atau di perutnya, berwarna putih atau merah. Hukumnya sama seperti gagak *al-Abqa'* secara spesifik). Inilah jenis gagak yang dipercayai oleh orang Arab *Jāhiliyyah* untuk meramal sesuatu petanda sebelum bermusafir (al-'Asqalani, 2001).

Di samping itu, termasuk dalam hukum *al-Abqa'* ialah *ghudāf* (gagak besar pemakan bangkai). Ibn Qudamah memberi nama lain bagi *ghudāf*, iaitu *al-Bayn* (dikatakan bahawa gelaran *ghurāb al-Bayn*, kerana ia menjauh meninggalkan (*bāna*) bahtera Nabi Nuh selepas ia diutus oleh Nabi Nuh AS untuk memberitahu akan keadaan bumi yang dilanda banjir besar. Kemudian, ia mendapati bangkai lalu memakannya tanpa kembali lagi kepada Nabi Nuh AS (al-It'yubi al-Wallawi, 1996). Menurut ahli bahasa Arab, ia sama dengan gagak *al-Abqa'* (al-'Asqalani, 2006). Sebagai tambahan bagi jenis gagak yang tidak boleh dibunuh, para ulama bersepakat mengecualikan gagak pemakan bijirin dan gagak kecil pemakan biji-bijian dinamakan *Zar'i* atau *al-Zāgh*. Bahkan terdapat ulama yang mengharuskan memakannya (Shams al-Haq al-'Azīm Abadi, 1968).

6. Kaedah Bertindak Balas Terhadap Haiwan Fasiq

Bagi mencari solusi terbaik dalam isu haiwan fasiq, dinyatakan beberapa kaedah yang dikira penting dalam interaksi dengan kawanan haiwan fasiq secara umum dan gagak secara khususnya.

Pertama: Mengenal haiwan fasiq dan jenis seumpama merupakan piawaian utama. Haiwan fasiq dikenal pasti berdasarkan kepada empat dasar utama iaitu: [Pertama]: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas). [Kedua]: Haiwan yang mengancam nyawa dan kesihatan manusia. [Ketiga]: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahaan dan kerosakan). [Keempat]: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman. Dengan memahami sifat-sifat haiwan fasiq, langkah mengenal pasti, mencegah dan menangani ancaman

kawanan haiwan perosak dan seumpama dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Ini sekaligus mengelakkan sebarang kekeliruan yang boleh menyebabkan kepupusan haiwan yang tidak terlibat dan menyumbang kepada ketidakstabilan ekosistem alam sekitar.

Kedua: Allah SWT dan Nabi-Nya telah memberikan kebebasan untuk membunuh haiwan fasiq. Sungguhpun demikian, hak-hak haiwan masih perlu dipelihara. Mengambil contoh semasa proses penyembelihan, umat Islam disuruh melaksanakannya jauh daripada pandangan haiwan lain dan begitu juga keadaan selepasnya. Ini bertujuan melatih manusia agar bersikap ihsan, menghormati dan menghargai satu-satu jiwa. Rasullullah SAW juga menggalakkan umatnya bertimbang rasa terhadap haiwan, tidak memukul dengan sia-sia, tidak membiarkannya kelaparan, tidak melaga-lagakan haiwan, apatah lagi menzaliminya.

Ketiga: Menyebutkan kaedah terbaik bertindak balas terhadap kawanan haiwan fasiq dan menghilangkan mudaratnya pada manusia, metode terbaik diajarkan Nabi SAW ialah dengan cara menghilangkan nyawanya. Hujahnya, gelaran fasiq terhadap haiwan itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh (al-'Asqalani, 2001). Hal ini berlandaskan kaedah utama fiqh *al-Darar Yuzāl*, iaitu kemudaratannya mesti dihapuskan.

Keempat: Islam menganjurkan umatnya menggunakan cara paling ihsan dalam melaksanakan pembunuhan. Cara terbaik adalah dengan satu pukulan yang terus mematikan. Hal berikut diqiyaskan daripada cara membunuh cicak yang diajarkan baginda SAW. Manfaatnya, hal ini mengelakkan haiwan daripada terseka, menanggung perit kesakitan sementara menunggu pukulan kedua (al-Sanusi al-Hasani, t.t.; al-Mubarakfuri, t.t.). Dalam satu hadith, baginda SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ قَتَلَ وَرَعَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً، وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ الْأُولَى، وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّالِثَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ الثَّالِثَةِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah, Rasullullah SAW bersabda: "Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang daripada yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang daripada yang kedua tadi."

[*Sahih Muslim*, no. hadith: 5846, hadith sahih]

Shaykh ‘Izz al-Din Ibn ‘Abd al-Salam turut menyebutkan membunuh dengan pukulan pertama merupakan kaedah terbaik, bahkan menepati *maqāṣid* hadith Nabi SAW berikut:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَخْسِنُوا^{الْقِتْلَةَ}

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Shaddad Ibn Aws, sesungguhnya Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan ihsan kepada semua perkara. Jika kamu membunuh, maka elokkan pembunuhan kamu (bunuh dengan sifat ihsan).”

[*Sahih Muslim*, no. hadith: 5055, hadith *sahih*]

Mengulas cara paling tepat untuk membunuh haiwan fasiq, harus diteliti pada kaedah Saydatina ‘A’ishah. Beliau menggunakan tombak dan lembing untuk membunuh cicak. Ini dilakukan agar urusan pembunuhan menjadi lebih baik (al-Ityubi al-Wallawi, 1996) sebagaimana *qiyās* penggunaan pisau tajam untuk menyembelih haiwan sembelihan agar tidak menyaksakan dan kurang mendatangkan kesakitan.

Kelima: Kaedah paling sesuai untuk membunuh haiwan fasiq kecil seperti tikus, cicak, kala jengking dan ular dan selainnya ialah dengan cara memukul. Cara terbaik adalah dengan satu pukulan yang terus mematikan. Bagi haiwan fasiq yang lebih besar dan tidak mungkin mati dengan satu pukulan seperti anjing, gagak dan helang, metode lain adalah diharuskan seperti menembak, memasang jerat, perangkap dan penggunaan pagar elektrik harus dilakukan jika berkesan menghindarkan gangguan makhluk perosak dengan syarat tiada unsur penyeksaan dan ikhlas kerana Allah SWT (al-Nawawi, 1969).

Keenam: Islam melarang membunuh haiwan dengan cara membakar, melemas, memberi makanan beracun atau cara lain berunsurkan kekejaman. Hal ini berpandukan hadith riwayat Abu Hurayrah RA:

Terjemahan: “Seorang Nabi dari kalangan para Nabi telah berehat di bawah sebatang pokok, kemudian dia digigit oleh seekor semut. Beliau kemudiannya mengarahkan supaya barang-barangnya dialih dari bawah pokok tersebut, kemudian beliau mengarahkan agar sarang semut tersebut dibakar dengan api. Maka Allah memberikan wahyu kepada beliau dengan kata-Nya: ‘Tidakkah sepatutnya (dibunuh) seekor semut sahaja (iaitu yang menggigit kamu)?’

[*Sahih al-Bukhari*, no. hadith: 3319, hadith *sahih*]

Ketujuh: Gagak yang mengganggu dan mengancam harus dibunuh kecuali gagak kecil dan gagak pemakan biji-bijian. Manakala habitat haiwan fasiq yang tinggal jauh daripada manusia seperti kala jengking, ular, helang dan seumpama tidak boleh dimusnahkan. Hal ini kerana ia menjadi tempat tinggal anak-anak haiwan terabbit yang terkecuali daripada hukum haiwan fasiq. Haiwan jenis ini lebih tertumpu mencari mangsa untuk dimakan, bersifat mementingkan kawasan dan jarang mengganggu manusia melainkan diancam atau kawasannya diceroboh. Bagi spesies haiwan fasiq yang tinggal di dalam atau berhampiran persekitaran manusia sehingga menghadirkan gangguan dan ancaman kepada manusia seperti tikus, anjing, cicak, termasuklah gagak, habitat tersebut wajib dimusnahkan dan anak-anaknya harus dibunuh atau dipindahkan daripada kediaman manusia (Mohd Farhan Md Ariffin, et al., 2018).

Kelapan: Metode lain dalam menghilangkan mudarat haiwan fasiq adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan fasiq mesti dipelihara, iaitu membunuh bukan sekadar suka-suka, tetapi atas dasar *maslahah*, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandung unsur penganiayaan terhadap haiwan dan paling efektif. Malah, Islam mengutuk perbuatan membunuh mana-mana haiwan tanpa keperluan. Ini dijelaskan hadith:

عَنْ عَمْرُو بْنِ الْشَّرِيدِ قَالَ: سَمِعْتُ الرَّسُولَ اللَّهَ يَقُولُ: مَنْ قَتَلَ عُصْفُورًا عَبَّاً، عَجَّ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَقُولُ: يَا رَبِّ، إِنَّ فُلَانًا قَتَلَنِي عَبَّاً، وَمَمْ يَقْتُلُنِي لِمَنْفَعَةٍ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Amru Ibn al-Sharid katanya, aku mendengar al-Sharid berkata: Aku mendengar Rasullullah SAW bersabda: “Sesiapa membunuh burung sia-sia, maka ia akan mengadu di hadapan Allah SWT nanti dengan berkata: “Ya Allah ya tuhanku, si fulan telah membunuhku sia-sia dan bukan untuk manfaat.”

[*Sunan al-Nasa’i*, no. hadith: 4446, hadith *daif* menurut al-Albani]

7. Kesimpulan

Gagak merupakan spesies haiwan fasiq atau lebih dikenal sebagai haiwan perosak pada masa kini. Sifatnya yang suka mengganggu dan mendatangkan mudarat terhadap manusia telah melayakkannya tergolong dalam kategori tersebut. Dalam hal ini, menghilangkan kemudaratannya pada sesama Islam dari segenap arah, termasuk ancaman haiwan fasiq adalah dalam ruang lingkup *amar ma’rūf*, manakala menzalimi dan membunuh haiwan tanpa hak merupakan perkara *nahy munkar*. Bayangkan jika gagak pengganggu

dibiarkan bebas tanpa kawalan, nescaya manusia tidak akan dapat hidup dalam keadaan tenteram dan aman damai.

Hasilnya, hadith Rasullullah SAW memperakui tindakan pihak berkuasa dalam bertindak balas terhadap ancaman haiwan perosak. Hal ini kerana segala sesuatu yang dianjurkan Rasullullah SAW amat berkait rapat dengan penjagaan kesejahteraan manusia. Walaupun begitu, Islam turut memelihara hak-hak haiwan daripada sebarang penindasan ataupun kezaliman yang berada luar dari konteks keperluan sebenar.

Rujukan

- Abu Dawud; Sulayman Ibn al-Ashath al-Sajistani (1988), Sunan Abu Dawud, Riyad: al-Maktabah al-Ma‘arif lil Nashr wa al-Tawzi’.
- Ahmad Ibn Hanbal (1995), Al-Musnad Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hanbal, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-‘Asqalani; Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar (2001), Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari, Riyad: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Wataniah Ithna’ Nashr.
- Al-‘Asqalani; Ibn Hajar (2006), Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari, terj. Amiruddin et al., Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan.
- Al-Bukhari; Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Isma‘il (2000), “Al-Jami’ al-Musnad Min Hadith Rasullillah wa Sunanah wa Ayyamih,” dalam Mawsu’at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Syakh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tauzi’.
- Al-Ityubi al-Wallawi; ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa (1996), Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba, Riyad: Dar al-Mi’raj al-Dawliah lil Nashr.
- Al-Mubarak Furi; Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim (t.t.), Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami’ al-Tirmidhi, t.t.p., Dar al-Fikr lil Taba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Al-Nasa’i; Abu ‘Abd Rahman Ahmad Ibn Shu‘aib Ibn ‘Ali (1988), Sunan al-Nasa’i, Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Al-Nawawi; Yahya Ibn Sharaf (1930), Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim, Mesir: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Qurtubi; Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abu Bakr (2006), Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an, Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sanusi al-Hasani; Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf (t.t.), Mukammil Ikmal al-Ikmal Sharh Sahih Muslim, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman Ibn Abu Bakr (1996). *al-Dibaj `ala Sahih Muslim al-Hajja*. Mesir: Dar Ibn ‘Affan
- Astro Awani, Hilal Azmi, Tawaran RM4 seekor jadi ganjaran, 4,856 gagak berjaya ditembak, Astro Awani, bertarikh 10 September 2017, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tawaran-rm4-seekor-jadi-ganjaran-4856-gagak-berjaya-ditembak-154845>
- Berita Harian, bertarikh 27 April 2015 bertajuk “MPK Lancar Operasi Tembak Gagak”.
- Berita Harian, MPK Lancar Operasi Tembak Gagak, 27 April 2015.
- Boria Sax (2003), Crow, London: Reaktion Books Ltd.
- Facebook* Majlis Bandaraya Johor Bahru, bertarikh 7 Januari 2021, <https://www.facebook.com/mbjbrasmi/posts/sekitar-operasi-bersepadu-menembak-gagak-mbjb bersama-pdrm-siri-12021-operasi-in/4255264977820321/>
- Harian Metro Online, bertarikh 21 September 2015 di <http://origin.hmetro.com.my/node/79024>.

- Hope B. Werness (2003), *The Continuum Encyclopedia of Animal Symbolism In Art*, New York: The Continuum International Publishing Group Inc.
- Ibn Majah; al-Qazwayni (1986), *Sunan Ibn Majah, Riyad: Maktabah al-Ma ‘arif lil Nashr wa al-Tawzi’*.
- Keith Brown et al., (2007), *Oxford Student’s Dictionary of English*, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohd Farhan Md Ariffin (2015), Analisis Hadith Mengenai Haiwan Fasiq dalam al-Kutub al-Sittah: Kajian Terhadap Persepsi Masyarakat Melayu Di Daerah Pengkalan Hulu, Perak. Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Mohd Farhan Md Ariffin (2015), Pingat Gangsa, Pertandingan Poster Penyelidikan Analisis Hadith Mengenai Haiwan Fasiq Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Kajian Terhadap Persepsi Masyarakat Melayu Di Daerah Pengkalan Hulu, Perak, Sempena Minggu Terbuka Akademik APIUM yang berlangsung pada 20-24 April 2015 anjuran Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad (2014). Haiwan Perosak Menurut Fiqh Al-Hadith: Kajian Persepsi Masyarakat Melayu Di Daerah Pengkalan Hulu, Perak. In Mohd Roslan Mohd Nor, Khadher Ahmad, Islam dan Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan Dan Isu Semasa, hlm. 441-454
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, et al (2014). Fiqh Haiwan Perosak Menurut Tafsir Al-Qurtubi. Proceeding The 4th Annual International Qur’anic Conference (MUQADDAS IV). Centre of Quranic Research (CQR), University of Malaya
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Mohd Anuar Ramli, Ahmad Bakrin Sofawi Abu Bakar (2016). Lizard As Spreader Of Salmonella Bacteria: Significant And Interaction Methods According To Fiqh Al-Hadith. Jurnal Intelek, UiTM (Perlis), (ISSN 2231-7716), bil. 10 (2): 44-55
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naim Abdullah, (2016). Eagle Threat: Significant And Control Techniques According To Al-Hadith Perspective. Jurnal Intelek, UiTM (Perlis), (ISSN 2231-7716), bil. 10 (2): 29-40
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Mohd Izzat Abd Shukur (2018), Vektor Zika Dan Teknik Kawalan Haiwan Perosak Menurut Perspektif Hadith, Journal of Ma‘alim al-Quran wa al-Sunnah USIM, 14 (1), 85-90.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Mohd Rosdi Hassan (2018). Leptospirosis Wabak Maut Dari Tikus: Analisis Berasaskan Fiqh Al-Hadith. Journal of Islam and Contemporary Society UNISZA, (ISSN 2289-6325), bil. 18 (1): 210-234
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele, Ahmad Za‘im Sabirin Mohd Yusoff (2019). Ancaman Kala Jengking: Analisis Berasaskan Sharh Al-Hadith. Jurnal Pengajian Islam (JPI KUIS), bil. 12 (11): 99-119
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele, Syamsul Azizul Marinsah (2015). Anjing Pembawa Virus Rabies: Signifikan Dan Metode Interaksi Berasaskan Al-Hadith. Jurnal Intelek, UiTM (Perlis), (ISSN 2231-7716), bil. 10 (1): 55-66
- Mohd Farhan Md Ariffin, Muhammad Adam Abd. Azid, Ahmad Za‘im Sabirin Mohd Yusoff (2018). Ancaman Ular: Signifikan Dan Teknik Kawalan Menurut Perspektif Fiqh Al-Hadith. Jurnal Usuluddin, APIUM, (ISSN: 1394-3723), bil. 46 (1): 45-69
- MyMetro.com, “Gagak Serang Pangsapuri”, bertarikh 16 Disember 2012, dicapai 6 Mac 2013,
http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Gagak_8216_serang_8217_pangsapuri//Article/index_html

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), laman sesawang Kamus Dewan Online, dicapai pada 20 September 2021, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=haiwan+perosak>

Roger Avery et al., (2002), International Wildlife Encyclopedia, 3rd Ed., New York: Marshal Cavendish Corporation.

Safa al-Dawwi; Ahmad al-'Adawi (1999), Ihda' al-Dibajah bi Sharh Sunan Ibn Majah, t.tp., Maktabah Dar al-Yaqin.

Sinar Harian Online, bertarikh 12 Jun 2015 bertajuk "Operasi Tembak Gagak Sabtu dan Ahad Ini".

Shams al-Haq al-'Azim Abadi; Abu al-Tayyib Muhammad (1968), 'Aun al-Ma'bud Sharh Sunan Abu Dawud, Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah.

Teuku Iskandar (1970), Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Twitter Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), bertarikh 19 September 2015 di <https://twitter.com/pjcitycouncil>.

Analisis Perspektif Hadith Terhadap Operasi Tembak Gagak